

Langkah kawalan modal kekal

BH 30 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Selasa— Kerajaan tidak bercadang memansuhkan langkah kawalan modal berpilih-pilih dan tambatan ringgit pada kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika yang diperkenalkan dua tahun lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Tiada sebab kita harus menarik balik kawalan modal itu. Ia tidak menjejaskan mana-mana pihak,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada hari kedua persidangan “Bank Pusat dan Pertumbuhan Mapan di Abad Ke-21,” anjuran Bank Negara di sini, hari ini.

Seminar tiga hari itu diadakan bagi memperingati jasa Tun Ismail Mohamed Ali, rakyat Malaysia pertama dilantik Gabenor Bank Negara dan berkhidmat paling lama dengan bank pusat, iaitu dari 1962 hingga 1980. Dr Mahathir

berkata, jika mata wang negara jiran kukuh 20 peratus atau lemah 20 peratus dan menjejaskan hanya saing Malaysia, ketika itu barulah kerajaan akan menilai semula sama ada untuk menaik atau menurunkan kadar ringgit.

Pada September 1998, kadar tukaran ringgit ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika sebagai sebahagian langkah kawalan tukaran asing berpilih bagi mengekang tekanan luar, terutama spekulator mata wang terhadap ekonomi negara yang terjerumus ke dalam kemelesetan.

Bagaimanapun, kebanyakan langkah kawalan selain penetapan kadar tukaran ringgit itu sudah dilonggarkan.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengurangkan levi itu, Dr Mahathir berkata: “Bukan sekarang... kita akan berbuat demikian

apabila kita fikirkan masanya wajar nanti”.

Mengenai cadangan cadangan kerajaan negeri Terengganu untuk membina sendiri bahagian Lebuhraya Pantai Timur (LPT) di negeri itu, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak akan menimbulkan apa-apa masalah kepada kerajaan Persekutuan.

“Dia sanggup, tak apalah... tak jadi masalah kepada kita, dia duit banyak,” katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Abdul Hadi Awang bahawa langkah itu akan diambil jika kerja pembinaan lebuhraya itu tidak dijalankan serentak di Pahang dan Terengganu.

Dr Mahathir bercakap pada sidang media selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan lebih 500 pegawai halal Islam dari seluruh negara di sini.